

Penjual barang kitar semula didakwa rompak lebih RM200,000

KUALA LUMPUR - Seorang penjual barang kitar semula mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam, atas tuduhan melakukan rompakan berkumpulan terhadap sebuah premis pengurup wang dengan mengambil pelbagai mata wang berjumlah lebih RM200,000, dua tahun lalu.

R Kunasekaran, 27, dan empat orang yang masih bebas, didakwa bersama-sama melakukan kesalahan itu dengan menggunakan parang dan mengambil RM243,920 wang tunai pelbagai negara.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di premis pengurup wang di Lot SB 41, LG 1, Tesco Manjalara Kepong pada jam 10.20 pagi, 26 November 2011.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan

Pendakwa Raya, Siti Aisyah Ahmad mengikut Seksyen 395 dan 397 Kanun Keseksaan.

Siti Aisyah tidak menawarkan sebarang jaminan atas alasan kesalahan yang dilakukan merupakan kesalahan serius.

Peguam, V Muniandy memohon mahkamah membenarkan jaminan atas alasan anak guamnya merupakan penanggung tunggal keluarga.

Hakim, Azman Ahmad membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan pasport perlu diserahkan.

"Selain itu, mahkamah memerintahkan agar kamu tidak mengganggu mangsa," katanya.

Mahkamah menetapkan 27 Februari untuk sebutan semula kes.